

## **Pertahanan Awam tanda aras semangat kesukarelawan - Dr M**

**Malaysiakini**

**24 Februari 2019**

Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad berkata Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah menjadi penanda aras terhadap semangat kesukarelawan di negara ini.

Beliau berkata sehubungan itu anak muda digalakkan menyertai APM kerana semangat kesukarelaan mampu membentuk sikap yang baik di kalangan mereka.

"Antara lain sikap bertanggungjawab, tidak mementingkan diri, berani, berdisiplin, setiakawan dan berdikari dapat dipupuk.

"Ini akan membentuk anak-anak muda yang mempunyai kesedaran dan jati diri dan tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir buruk, sebaliknya boleh mempengaruhi teman-teman mereka dengan sifat-sifat mulia yang saya nyatakan tadi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Perasmian Kompleks Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Langkawi di Langkawi hari ini.

Kompleks APM Daerah Langkawi bernilai RM25.5 juta itu menyediakan pelbagai kemudahan termasuk asrama dan menara latihan setinggi enam tingkat dibangunkan di atas tanah seluas 1.16 hektar siap sepenuhnya pada 13 Januari lalu, kira-kira tiga tahun selepas pembinaan bermula pada 18 Januari 2016.

Turut hadir Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, merangkap Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Hangat, Kolonel Kehormat (PA) Juhari Bulat, ADUN Kuah, Mohd. Firdaus Ahmad, Ketua Pesuruhjaya APM Datuk Roslan Wahab dan Pengarah APM Kedah Lt Kol (PA) Awang Askandar Ampuan Yaacub.

Dalam ucapan itu, Dr Mahathir yang juga Anggota Parlimen Langkawi turut berkongsi pengalaman beliau semasa remaja menyertai Civil Defence Corps yang berfungsi sekitar awal tahun 1950an.

"Tujuan saya berkongsi pengalaman saya yang sedikit di dalam perkhidmatan yang seperti APM ialah saya sedar akan bahaya yang dihadapi oleh anggota APM apabila menjalankan tugas mereka. Mungkin bahaya itu tidak dihadapi setiap masa tetapi adakalanya ia akan begitu mencabar," katanya.

Dr Mahathir turut menyatakan komitmen kerajaan untuk terus memberi sokongan dan bantuan samada dalam bentuk kewangan dan dana serta juga peralatan kepada APM.

"Kita mahu APM mempunyai kelengkapan yang setimpal dengan usaha dan tugas yang mereka lakukan. Selain itu, APM telah membuktikan bahawa ia salah satu badan yang berjaya menarik keanggotaan pelbagai kaum dan menjadikan ia satu model kerjasama baik di antara kaum di dalam negara.

"Ini amat penting kerana apabila menghadapi kesukaran, kecemasan dan bencana, kerjasama semua kaum amat penting terutamanya di dalam membina kembali tempat yang telah dilanda bencana," katanya.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir turut melancarkan manual Prosedur Tetap Operasi (PTO) Penyelamat Pantai APM.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/465394>